

BAB 3

BAB 3

KATEGORI-KATEGORI KESILAPAN DALAM PENTERJEMAHAN TEKS BAHASA ARAB KE BAHASA MELAYU.

3.0 Pendahuluan

Kajian Analisis Kesilapan dalam penterjemahan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu merupakan strategi penting dalam menentukan mutu, kejituhan dan ketepatan dalam penterjemahan. Bagi tujuan tersebut penulis telah berusaha mengumpulkan beberapa teori dan kajian-kajian berkaitan dengan kategori-kategori kesilapan dalam penterjemahan yang merangkumi kesilapan bahasa, kesilapan penanda wacana dan kesilapan teknik. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kesilapan berdasarkan kepada beberapa teori yang telah dikaji, teori-teori kesilapan dikumpul, dianalisis dan seterusnya dicipta menjadi bahan yang dijadikan sebagai pengukur dalam mencari kategori kesilapan yang dilakukan oleh responden kajian .

Sesungguhnya kategori-kategori kesilapan yang dibina oleh penulis ini amat berkesan terutamanya kepada para guru, penyelidik dan pelajar dalam bidang pedagogi (pendidikan) dan pengajaran bahasa.

3.1 Kategori Kesilapan Bahasa Dalam Penterjemahan

Tinjauan terhadap kesilapan bahasa dalam penterjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dalam kajian ini dapat difahami melalui definisi kesilapan sesuatu bahasa.

Menurut Nik Safiah Karim (1980:10), kesilapan bahasa bermaksud penggunaan bahasa yang melanggar peraturan bahasa yang telah dipersetujui, sama ada diperingkat sebutan, pilihan kata, atau susunan frasa dan ayat.

Menurut Awang Had Salleh (1981:viii) pula, kesilapan bahasa membawa dua maksud. Pertama: penggunaan yang tidak wajar dari segi tempat dan status yang diberikan kepadanya, dan kedua: penggunaan yang salah dari segi tatabahasanya.

Kenyataan di atas telah dipersetujui oleh Raminah Sabran (1987:88). Beliau menegaskan kesilapan bahasa terjadi pada penggunaan bahasa yang menyimpang dari bentuk bahasa, iaitu satu bahasa yang digunakan dalam hubungan yang formal.

Kesimpulannya, menerusi definisi-definisi yang di sebutkan di atas, penulis dapat menyimpulkan definisi kesilapan bahasa dengan mengaitkan bidang penterjemahan sebagai subjek kajian. Kesilapan bahasa dalam konteks terjemahan khususnya terjemahan Arab-Melayu menurut penulis ialah penggunaan bahasa dalam karya terjemahan (bahasa sasar) yang menyalahi peraturan sesuatu bahasa tertentu lebih-lebih lagi apabila penggunaan bahasa itu turut menyalahi prinsip dan dasar penterjemahan.

Di dalam kajian penterjemahan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, kesilapan bahasa dapat dikategorikan kepada lima kategori, iaitu:

- i. Kesilapan Ejaan
- ii. Kesilapan Penggunaan Kata
- iii. Kesilapan Struktur Frasa Kerja pasif
- iv. Kesilapan Struktur Frasa Kerja Transitif/Tak Transitif
- v. Kesilapan Struktur Ayat

3.1.1 Kesilapan Ejaan

Kesilapan ejaan boleh terjadi pada imbuhan yang berbentuk awalan, akhiran atau sisipan. Contohnya, perkataan *telaah* apabila ia menerima imbuhan awalan dan akhiran ia akan menimbulkan kekeliruan sama ada *mentelaah* atau *menelaah*. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini tidak semua bentuk imbuhan akan dibincangkan. Menurut Abdul Ghafur Yunus (2000:468), awalan *men* akan menjadi *me-* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *m*, *n*, *ny*, *ng*, *r*, *l*, *w*, dan *y* seperti *masak-memasak*, *nanti-menanti*, *nyala-menyalah*, *nganga-menganga*, *rayu-merayu*, *lawan-melawan*, *wangi-mewangi* dan *yakin-meyakinkan*.

Selain itu, kata dasar yang bermula dengan huruf *p*, *t*, *k*, dan *s*, turut termasuk dalam bentuk ini. Dalam hal ini, huruf pertama dalam kata dasar akan berubah menjadi bentuk sengau yang sama daerah artikulasinya (sebutannya), iaitu *m* bagi *p*, *n* bagi *t*, *ng* bagi *k*, dan *ny* bagi *s*, seperti *pesan-memesan*, *tari-menari*, *karang-mengarang*, *salin-menyalin*. Oleh sebab itu, perkataan *telaah* menjadi *menelaah* lebih menepati kaedah tatabahasa Melayu dan lebih tepat digunakan.

Selain sistem ejaan imbuhan, kesilapan bahasa turut berlaku akibat kurang kefahaman terhadap keselarasan vokal, partikel, gabungan kata, kata pinjaman, nama tempat, nama orang dan istilah khusus. Dalam sistem ejaan baru bahasa Melayu, terdapat lapan belas pola keselarasan vokal untuk membentuk kata yang terdiri daripada dua suku kata yang diakhiri dengan konsonan. Lapan daripadanya sering mengelirukan pengguna bahasa. (Awang Sariyan 1980:2).

3.1.2 Kesilapan penggunaan kata

Kesilapan penggunaan kata bahasa Melayu dapat diertikan sebagai penggunaan bahasa secara sewenang-wenangnya tanpa menghiraukan peraturan dan kaedah yang ada.(Abdul Ghafur Yunus 2000:472). Dalam kajian ini, kesilapan penggunaan kata dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

1. Penggunaan kata sendi

a. Penggunaan kata sendi *atas* dan *ke atas*

Menurut Abd. Ghafur Yunus (2000:472), kata sendi *dalam*, *antara*, dan *ke atas* mempunyai makna dan fungsi yang berbeza. Perbezaannya dapat dilihat dalamuraian berikut:

1. Penggunaan kata sendi *atas*

i. Ia digunakan dengan maksud yang menunjukkan “*tempat*” atau “*paras*” dan

sebagainya yang “*lebih tinggi*”, lawannya ialah *bawah*.

Contohnya: Pandangan dari *atas* bukit itu dapat melihat laut yang luas terbentang.

- ii. Ia juga digunakan dengan maksud “*pihak berkuasa*”.

Contohnya : Saya terpaksa bertindak kerana perintah daripada *atas*.

- iii. Ia juga digunakan dengan maksud “*kerana*” atau “*dengan*”.

Contohnya: Beliau meletakan jawatan bukan *atas* kemahuannya.

- iv. Ia juga digunakan dengan maksud “*berdasarkan*” atau “*berasaskan*”.

Contohnya: Keputusan tidak melantiknya sebagai calon dibuat *atas* beberapa pertimbangan.

- v. Ia juga digunakan dengan maksud “*mengikut, menurut dan berdasarkan*”.

Contohnya: Maka dikahwinkan anak Raja Kida Hindi dengan Raja Iskandar *atas* syariat Nabi Ibrahim.

2. Penggunaan kata sendi *ke atas*

- i. Ia digunakan dengan maksud “*ke bahagian atas, tingkat, tempat dan sebagainya*”, dan “*ke sebelah atas*”.

Contohnya: Angkat kotak ini *ke atas* meja.

- ii. Ia juga digunakan dengan maksud lebih “*daripada sesuatu paras*”, “*jumlah*”

dan “*lebih tinggi*”.

Contohnya: Pelajar-pelajar yang ibu bapanya berpendapatan seribu lima ratus *ke atas* tidak layak untuk mendapat buku pinjaman kerajaan.

Berdasarkan makna *atas* dan *ke atas* jelas menunjukkan kata dan frasa tersebut mempunyai perbezaan makna dan fungsi. Antara makna *atas* termasuklah mengenai, tentang, akan, berkaitan dengan, dan terhadap. Ini menunjukkan salah satu fungsi kata *atas* ialah kata sendi. Dalam bahasa Melayu, kata yang mengikuti sendi nama “*ke*” mestilah terdiri daripada kata nama. Oleh yang demikian, kata *atas* dalam frasa *ke atas* berfungsi sebagai kata nama.

b. **Penggunaan kata sendi *dari* dan *daripada*.**

Menurut Nik safiah Karim (1993:225), kata sendi *dari* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat, waktu dan masa. Manakala kata sendi nama *daripada* pula digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, benda, haiwan, asal kejadian dan sumber, atau unsur perbandingan atau perbezaan. Contohnya:

- i. Proses pengaloian dapat menguatkan logam kerana atom asing dipilih *daripada* bahan yang kuat. (menunjukkan asal sesuatu benda).
- ii. Ada-ada saja yang mereka bualkan, *daripada* hal-hal yang berkaitan dengan pelajaran hingga hal cerita-cerita lain termasuklah cita-cita

masa depan mereka. (menunjukkan sumber sesuatu).

2. Penggunaan kata bilangan

Dalam bahasa Melayu, kata bilangan lazimnya berpasangan dengan penjodoh bilangan untuk menjadi penerang kepada kata nama yang mengikutinya. Namun demikian, tidak semua kata bilangan diikuti oleh penjodoh bilangan. Dalam hal, ini ada dua peraturan yang perlu dipatuhi :

- i. Kata bilangan *tentu* mestilah diikuti oleh penjodoh bilangan seperti lima *orang* pelajar dan kedua-dua buah meja.
- ii. Kata bilangan *tidak tentu* tidak perlu disertai oleh penjodoh bilangan, seperti seluruh negara, semua pemuda, dan setiap rakyat.

Ayat berikut ini mengandungi contoh bagi kata bilangan di atas.

"Dia tidak dapat melelapkan mata kerana kedua-dua orang anaknya masih belum pulang dari pekan".

(kata bilangan ini adalah dari jenis kata bilangan tentu, oleh yang demikian wajar disertai dengan penjodoh bilangan, iaitu orang)

3. Penggunaan Hukum DM.

Menurut Awang Had Salleh (1981:125) peraturan penulisan frasa nama dalam bahasa Melayu tertakluk kepada hukum DM. DM bermaksud diterangkan (D) dan menerangkan (M). Dalam peraturan ini, unsur yang diterangkan ialah unsur inti yang hadir pada kedudukan pertama manakala unsur yang menerangkan merupakan unsur penerang yang hadir pada kedudukan kedua.

Menurut Abdullah Hassan (1993:159) pula, konstituen (*gabungan yang membentuk keseluruhan frasa dan ayat*) kata nama majmuk adalah berdasarkan prinsip hukum DM. Menurutnya lagi, perkataan yang diterangkan (D) mesti terdiri daripada satu kata nama, manakala penerangnya pula terdiri daripada kata nama atau kata kerja, kata sifat, kata adverba, atau kata partikel. Seterusnya beliau memberikan beberapa contoh frasa DM :

- i. abu rokok, [abu (D), rokok (M)]
- ii. anakanda, [anak (D), anda (M)]
- iii. baja butir, [baja (D), butir (M)]
- iv. padang tembak, [padang (D), tembak (M)]
- v. kapal terbang, [kapal (D) terbang (M)]

Seterusnya terdapat pula bahagian yang gabungannya terbentuk daripada kata yang menerangkan (M) terletak di hadapan kata yang diterangkan (D). Contohnya:

- i. bumiputra, [bumi (M), putra (D)]

- ii. mahaguru, [maha (M), guru(D)]
- iii. perdana menteri, [perdana (M), menteri (D)]

Kesilapan yang sering berlaku ialah dari segi susunan kata yang menerangkan mendahului kata yang diterangkan. Contoh ayat berikut dapat menerangkan kedudukan ini dengan lebih jelas:

- i. "Selepas membincangkan perkara berbangkit, mesyuarat akan membincangkan lain-lain hal". (dalam ayat ini peraturan DM jelas tidak dipatuhi. Ini adalah kerana, kata *lain-lain* berfungsi menerangkan kata *hal* bukannya *hal* menerangkan *lain-lain*). Ayat yang gramatik ialah seperti berikut:
- ii. "Selepas membincangkan perkara berbangkit, mesyuarat akan membincangkan hal-hal lain".

3.1.3 Kesilapan Struktur Frasa Kerja Pasif

Kesilapan *struktur frasa kerja pasif* amat jarang sekali disedari oleh para penterjemah. Hal ini disebabkan oleh kurangnya penguasaan terhadap rumus frasa kerja pasif dan pembentukan ayat pasif berpelaku dalam bahasa Melayu.

Menurut Awang Sariyan (1981: 40), *struktur kerja pasif* mempunyai peraturan tertentu bagi ganti nama diri pertama, kedua, dan ketiga. Menurutnya lagi, tatabahasa Melayu telah menetapkan bahawa ayat pasif diri pertama dan kedua mempunyai bentuk yang sama. Manakala ayat pasif untuk diri ketiga mempunyai bentuk yang

lain. Seterusnya, beliau menyatakan kesilapan penggunaan struktur frasa pasif disebabkan oleh pengaruh sintaksis bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris. Dalam bahasa Inggeris, frasa “*which they plant*” tidak boleh disamakan dengan frasa “*yang mereka tanam*” dalam bahasa Melayu kerana bentuk pasif dalam bahasa Melayu ialah “*yang ditanam (oleh) mereka*”. Hal ini akan lebih jelas dalam contoh berikut:

“Tokoh di atas tergolong dalam gerakan reformasi pada kurun ke-16. Apakah yang mereka perjuangkan?”

Struktur ayat pasif di atas masih lagi terpengaruh dengan struktur bahasa Inggeris. Menurut Awang Sariyan (1981:40), bahasa Melayu tidak dapat menerima struktur ayat pasif berikut kerana ia sebenarnya struktur ayat aktif (dalam bahasa Inggeris). Menurut Asraf (1983:479) pula, struktur ayat pasif bagi diri ketiga (dia, mereka, Ali) tidak boleh disamakan menurut analogi (perbandingan) dengan struktur ayat pasif bagi diri pertama (saya, aku, kami) dan struktur ayat pasif bagi diri kedua (kamu, engkau, dikau). Oleh yang demikian, ayat yang gramatik dalam bahasa Melayu bagi ayat di atas adalah seperti berikut:

“Tokoh di atas diperjuangkan (oleh) mereka?”

3.1.4 Kesilapan Struktur Frasa Kerja Transitif/ Tak Transitif

Kesilapan jenis ini juga sering kali dilakukan oleh penterjemah. Ini adalah kerana frasa *kata kerja transitif* ialah frasa kerja yang terdiri daripada *kata kerja transitif* yang diikuti oleh *frasa nama* sebagai objek kepada kata kerja transitif itu. Ini bermakna kedudukan antara *kata kerja transitif* dengan objek tidak boleh disisipkan dengan kata-kata lain (Abdul Ghalib 2000:481).

Oleh sebab itu, ayat (a) di bawah ini dianggap tidak gramatik kerana kata kerja transitif *mengambil* tidak diikuti oleh objek yang terdiri daripada kata nama. Ayat yang gramatik adalah seperti ayat (b).

- a. *Mengapakah kanak-kanak perlu mengambil lebih protein?* (tidak gramatik)
- b. *Mengapakah kanak-kanak perlu mengambil protein yang lebih?* (gramatik)

Kata kerja *tak transitif* pula mempunyai rumus tertentu untuk diperhatikan. Menurut rumus tersebut, frasa *kata kerja tak transitif* hendaklah diikuti oleh pelengkap yang terdiri daripada kata sendi atau kata keterangan, kata nama atau kata keterangan *untuk*. Jadi, ayat yang berikut adalah ayat yang tidak gramatik menurut rumus *frasa kata kerja tak transitif*.

“*Dia bercadang mengambil alih beberapa perniagaan keropok kecil yang lain*”.

Ayat yang gramatik menurut rumus *frasa kata kerja tak transitif* adalah seperti berikut:

“ Dia bercadang untuk mengambil alih beberapa perniagaan keropok kecil yang lain ”.

3.1.5 Kesilapan Struktur Ayat.

Kesilapan yang seterusnya dalam penterjemahan Arab-Melayu ialah aspek yang berkaitan dengan pembentukan struktur ayat dalam bahasa Melayu. Di dalam bahasa Melayu, ayat terbahagi kepada tunggal dan majmuk . Ayat tunggal ialah ayat yang mempunyai satu subjek dan satu predikat, manakala ayat majmuk ialah ayat yang mengandungi dua ayat tunggal atau lebih. Sementara itu, ayat majmuk terbahagi kepada Ayat Majmuk Gabungan, Ayat Majmuk Pancangan dan Ayat Majmuk Campuran. Sebagai contoh, ayat di bawah ini tidak gramatik kerana tidak memenuhi struktur pembinaan ayat majmuk pancangan (relatif) yang mengandungi kata hubung pancangan seperti *bahawa, untuk, dengan, agar, supaya, semoga, kerana, sungguhpun, walaupun, meskipun, apabila, sejak, setelah dan yang*.

a. *Pokok rambutan itu telah condong hanya menunggu masa untuk tumbang.*

Ayat tersebut sebenarnya terdiri daripada beberapa ayat berikut:

- i. Pokok rambutan itu telah condong

ii. Pokok rambutan itu hanya menunggu masa untuk tumbang.

Penggabungan kedua-dua ayat di atas akan menghasilkan ayat majmuk pancangan relatif dengan menggunakan kata hubung pancangan relatif “*yang*” seperti ayat ini “*Pokok rambutan yang telah condong itu hanya menunggu masa untuk tumbang*”.

3.2 Kategori Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dalam Penterjemahan

Dalam penterjemahan, pertautan idea dan pemindahan isi dari bahasa sumber ke bahasa sasar adalah sesuatu yang sangat penting. Ini adalah kerana ia mampu mengukur sejauh mana kebolehan penterjemah menghasilkan karya terjemahan yang tepat dengan teks sebenar. Penyusunan dan pengstrukturkan idea di dalam sesuatu wacana khususnya teks terjemahan akan lebih menyamai teks asal dengan menggunakan penanda wacana yang tepat.

Sesungguhnya masalah yang sering dihadapi dalam penterjemahan teks Arab ke dalam bahasa Melayu khususnya teks agama ialah penyusunan idea dan maklumat. Penterjemah biasanya akan menghadapi kesukaran mengatur idea dan maklumat untuk dipindahkan ke dalam bahasa sasaran. Oleh yang demikian, sering kali ditemui ketidaksinambungan antara satu ayat dengan ayat, dan di antara perenggan dengan perenggan (Mohd. Fauzi Jumingan 2000: 592).

Hal ini terjadi disebabkan penterjemah gagal memahami aspek kehalusan teks (kohesi) yang ditunjangi oleh penanda wacana. Ini adalah kerana ketenunan teks merupakan ciri yang menentukan wacana tersebut berkait rapat dengan linguistik dan konsepsi (Hasuria Omar 1998:227).

Penanda wacana menurut Roslan Baki (1994:57) ialah kata hubung yang digunakan untuk menghubungkan dua ayat. Manakala Awang Sariyan (1991:715) mendefinisikan penanda wacana sebagai kata atau frasa perangkai ayat. Bagi Nik Safiah Karim (1994:239) pula, ia adalah perkataan yang berfungsi menghubungkan dua atau lebih daripada dua ayat sehingga menjadi satu bentuk ayat berlapis yang dikenali sebagai ayat majmuk.

Halliday dan Hasan telah mengemukakan penanda wacana dalam wacana bahasa Inggeris. Menurut mereka terdapat lima bahagian penanda wacana yang dapat membantu kehalusan dan penyusunan wacana dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, penulis hanya akan menganalisis kesilapan penggunaan penanda wacana dalam teks terjemahan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu berdasarkan teori Halliday dan Hassan yang telah diubah suai oleh Muhammad Fauzi Jumingan (2000:290).

Menurutnya, hanya ada empat bahagian yang didapati relevan dan diterima pakai dalam analisis wacana terjemahan bahasa Melayu. Antara jenis penanda wacana tersebut termasuklah penanda wacana dengan maksud tambahan (additive), penanda wacana dengan maksud lawanan (adversative), penanda wacana dengan

maksud sebab dan akibat (causal) dan penanda wacana dengan maksud masa (temporal)

3.2.1 Penanda wacana dengan maksud tambahan (additive),

Penanda wacana dari jenis ini ialah kata atau frasa penghubung yang mengaitkan ayat dengan ayat atau perenggan dengan perenggan. Ia bertujuan untuk menambah atau menghuraikan isi dan fakta dalam satu ayat dan perenggan. Penggunaan penanda wacana dapat dilihat dengan lebih jelas melalui dua contoh berikut:

- a1). *Ahmad begitu gembira kerana lulus peperiksaan dengan begitu cemerlang. Di samping itu, dia juga mendapat tawaran masuk ke Universiti.*
- a2). *Ahmad begitu gembira kerana lulus peperiksaan dengan begitu cemerlang. Dia juga mendapat tawaran masuk ke Universiti.*

Dalam contoh di atas, ayat (a1) telah dihubungkan dengan frasa hubung *di samping itu*, membawa maksud penambahan maklumat dalam ayat berikutnya. Oleh yang demikian, ayat di atas mempunyai idea yang saling berkaitan antara satu sama lain. Sebaliknya ayat (a2) tidak menggunakan penanda wacana. Oleh kerana itu, ayat di atas mempunyai idea yang terpisah dan tidak berkaitan. Dalam bahasa Arab ia boleh dipadankan dengan frasa *bijānībi zālikā* (جَانِبُ ذلِكَ). Terdapat beberapa frasa hubung dalam bahasa Melayu yang sesuai dan relevan dengan teori Hassan dan

Halliday seperti *tambahan pula, selain itu, dan begitu juga*. Ia juga boleh dipadankan dengan frasa Arab *wakazālika* (وَكَذِلِكَ). Menurut Fauzi Jumingan (2000:593), dalam terjemahan Arab-Melayu penanda wacana dari jenis ini dapat dilihat melalui contoh terjemahan teks Arab yang berikut:

يَنْهَاضُ أَفْرَادُهَا الْمُسَاعِدَةُ بَعْضُهُمْ وَتَسْعَى شَعْرُوبَهَا إِلَى تَحْدِيدِ إِخْرَاجِهِمْ

“....setiap seorang daripada mereka saling bantu membantu, begitu juga setiap bangsa membantu saudaranya yang lain....” .

Frasa begitu juga dalam ayat di atas tergolong sebagai penanda wacana dengan maksud tambahan (additive). Frasa ini merupakan terjemahan dinamik daripada huruf (۳). Asalnya frasa tersebut bertujuan menegaskan idea atau fakta dalam ayat. Walau bagaimanapun, melalui proses komunikasi dan konteks situasi, frasa begitu juga memberikan maksud tambahan. Dalam contoh ayat di atas, penterjemah boleh menggunakan frasa *begitu juga* dan *di samping itu*. Penggunaan penanda wacana ini menunjukkan kesatuan makna yang jelas.

3.2.2 Penanda wacana dengan maksud lawanan (adversative),

Penanda wacana dengan maksud lawanan (adversative) pula bermaksud kata atau frasa yang menunjukan pertentangan idea dalam ayat atau perenggan sebelumnya. Biasanya ia terletak di permulaan ayat atau perenggan. Contohnya:

"Tinggi Ahmad hanyalah sekadar 5 kaki sahaja. Namun begitu, dia menjadi pemain bola keranjang yang digeruni".

Antara frasa hubung lain yang membawa maksud lawanan (adversative) termasuklah: *meskipun*, *walaupun*, *biarpun*, *tetapi*, *namun begitu*, *sungguhpun*, dan *sebaliknya*. Dalam bahasa Arab ia dapat digambarkan dengan frasa

(ولَكِنْ ، رَغْمَ أَنْ ، عَلَى الرَّغْمِ مِنْ) . Menurut Muhammad Fauzi Jumingan (2000:590),

frasa hubung di atas sangat sesuai digunakan dalam penterjemahan. Contoh terjemahan yang mengandungi maksud penanda wacana lawanan (adversative) dapat dilihat seperti di bawah:

1. وَتَوْجِيدُ الْكَثِيرُ مِنْ شُوْرَنَهَا وَلِكِنَّهَا لَمْ تَقْدِمْ خُطْوَةً وَاحِدَةً فِي التَّوْجِيدِ بَيْنَهَا

"....menyatukan sebahagian besar daripada urusannya, qkan tetapi ia tidak dapat maju setapak pun untuk menyatukan semuanya... ".

2. وَأَنْ يُعِينَ بِوَضِيعَهَا وَأَنْ تَتَعَاوَنَ فِي مَشْرُوعَاتٍ كَثِيرَةٍ وَلِكِنْ هَذَا أَمْرٌ مِنْ أَصْبَعِ الصُّعُوبَةِ

".... Saling bantu membantu serta bekerja sama dalam berbagai-bagai projek, tetapi sayangnya perkara tersebut sangat sukar untuk dicapai.. ".

Dalam ayat (1) di atas, terjemahan kata *walâkinna* 'ولَكِنْ' dengan erti *akan tetapi* adalah menepati ciri nahu Melayu. Penanda wacana (kata hubung) ini dipanggil kata hubung gabungan, iaitu kata yang menghubungkan dua atau lebih daripada dua


klausa yang setara sifatnya. Kedua-dua teks di atas mengandungi maksud pertentangan idea dan fakta. Oleh yang demikian, penterjemah perlu menggunakan penanda wacana yang dapat menyampaikan maksud dua bentuk pemikiran yang bertentangan (berlawanan).

Manakala, perkataan *walākinna*  dalam ayat (2) di atas telah diterjemahkan dengan *tetapi sayangnya* adalah menepati ciri nahu Melayu. Ini adalah kerana, penanda wacana (kata hubung) ini, dapat menghubungkan dua atau lebih klausa yang setara sifatnya.

3.2.3. Penanda wacana Dengan Maksud Sebab Dan Akibat (causal)

Penanda wacana dengan maksud sebab dan akibat (causal) pula ialah kata atau frasa penghubung yang menunjukkan bahawa kejadian atau peristiwa dalam satu ayat atau perenggan itu merupakan hasil kejadian atau peristiwa dalam ayat atau perenggan sebelumnya. Contohnya:

"*Oleh sebab hujan terlalu lebat, maka Fauzi tidak dapat hadir ke kuliah*".

Antara kata atau frasa hubung yang tergolong dalam maksud sebab dan akibat ialah *oleh itu, jadi, lantaran*, dan *akibatnya*. Dalam bahasa Arab, penanda wacana ini dapat dipadankan dengan perkataan seperti *bisababi*, *walizālika*, *lianna* (

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ). Menurut Muhammad Fauzi Jumingan (2000:591), frasa berikut merupakan

terjemahan yang dapat memperjelaskan maksud di atas:

1. وَاعْتَدَتُ الْعُلَمَاءُ شِعَارَهَا... فَكَانَ لَابْدَ إِذْنٍ مِّنْ تَوْجِيدٍ صِيفًا لِلتَّضَامُنِ

“.... Malah ia berpegang kepada sahaman sekularisme sebagai lambangnya. Oleh itu, adalah perlu diwujudkan corak-corak perpaduan....”.

Dalam teks di atas, frasa oleh itu tergolong sebagai kata hubung fakta setara dalam klausa yang berfungsi dalam ayat induk. Perkataan *sukāna lābudda izan* فَكَانَ لَابْدَ إِذْنٍ dapat diterjemahkan kepada oleh itu. Ia merupakan penanda wacana yang sesuai dalam bahasa Melayu. (Fauzi Jumingan 2000:595). Antara contoh lain ialah:

2. فِيَادِ التَّرْمِيْتِ الدُّولِيِّ اِلِّا سَلِيْمَةٌ بِمَا تَدْعُونَ لِهِ الْعُقِيْدَةُ سَادَتِ الْمُوْمَدَةُ وَالْمُحَبَّةُ....

“... sekiranya negara-negara Islam akur dengan apa yang digesa oleh aqidah Islam maka akan wujudlah kasih sayang dan kemesraan....”.

Dalam terjemahan teks di atas, perkataan *faizā* (فإذا) telah dipadankan dengan

penanda wacana sekiranya. Menurut Fauzi Jumingan, penanda wacana ini merupakan jenis kata hubung bersyarat yang berfungsi menghubungkan klausa utama. Sementara itu, Nik Safiah Karim (1994:239) berpendapat kata hubung dari jenis ini berfungsi

menyatakan akibat sesuatu peristiwa. Ia juga merupakan ubahsuai terjemahan daripada kata *faizā* (فَيْذَا) yang bermaksud sekiranya. Perkataan lain yang sama maksud dengannya ialah *maka apabila*.

Menurut Muhammad Fauzi Jumingan (2000:595), kedua-dua sampel di atas, menunjukkan penanda wacana maksud sebab dan akibat (causal). Kehalusan makna dalam kategori di atas terbahagi kepada dua, iaitu sebab akibat dan sebab bersyarat. Misalnya, contoh (2) memerlukan kata hubung di pangkal ayat. Jika kata hubung ini digugurkan, maka kata hubung itu mesti digunakan agar pembaca dapat memahami idea dan teks dengan mudah.

3.2.4. Penanda wacana Dengan Maksud Masa (temporal).

Penanda wacana dengan maksud masa ialah kata atau frasa penghubung yang menunjukkan suatu peristiwa dan kejadian dalam suatu ayat atau perenggan sebelum dan selepas berlaku mengikut urutan masa. Contohnya:

"Selepas sembahyang Subuh, Ahmad membaca al-Quran. Kemudian, dia bersarapan dengan isterinya di ruang tamu".

Antara penanda wacana dengan maksud ini ialah *selepas itu, selanjutnya, sesudah itu, dan sebelum itu*. Dalam bahasa Arab, penanda wacana ini dapat

dipadankan dengan perkataan seperti (بَعْدَ ذَلِكَ، وَ، فَ، قَبْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ). Contoh

penanda wacana dalam teks adalah seperti berikut:

وَقَدْ أَصَابَ رَجُلٌ مِنْ أَمْرَأَةٍ مَادُونَ الزِّنَا فَجَاءَ إِلَيَّ النَّبِيِّ (ص) يَتُوبُ.....

“....Seorang lelaki telah mencabul kehormatan seorang wanita, lalu dia datang menemui Rasulullah s.a.w untuk bertaubat....”. (Muhammad Fauzi Jumingan 2000:595)

Kata hubung *lalu* sama ertiya dengan *kemudian*. Oleh sebab itu kata ini tergolong sebagai kata hubung gabungan yang setara sifatnya. (Nik Safiah Karim 1994:239). Kata hubung ini menyatakan urutan peristiwa satu demi satu. Urutan masa seperti ini dapat mengukuhkan peristiwa. (Muhammad Fauzi Jumingan 2000:595)

3.3. Kategori Kesilapan Teknik Dalam Penterjemahan.

Kesilapan teknik dalam penterjemahan teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu boleh terjadi disebabkan oleh beberapa faktor. Menurut Koh Boh Boon (1985: 293) sekurang-kurangnya terdapat empat faktor penyebab kesilapan dalam sesuatu terjemahan termasuk terjemahan Arab-Melayu.

kesilapan yang berpunca daripada ketidaktepatan penterjemahan kata dari satu bahasa sumber ke bahasa sasar.

- ii. ketidakcekapan penterjemah dalam bahasa, sama ada dalam bahasa sumber (bahasa Arab) atau bahasa penerima (bahasa Malaysia) atau kedua-duanya sekali (bahasa sumber dan bahasa penerima).
- iii. Kekurangan pengetahuan dalam bidang am yang berkenaan subbidang khusus atau kedua-duanya sekali.
- iv. Kekurangan kemahiran teknik dan teknik-teknik terjemahan dalam membentuk istilah-istilah tertentu atau kedua-duanya sekali.

Keadaan ini sedikit sebanyak akan menjelaskan ketepatan dalam terjemahan disebabkan penterjemah gagal untuk memahami konsep-konsep penting yang terdapat dalam teks bahasa sumber ataupun tidak dapat menterjemahkan konsep-konsep tersebut dengan tepat. Penterjemah yang mempunyai cukup pengetahuan dalam bidang am dan subbidang khusus akan mampu memahami menganalisis dan membuat rumusan berkenaan bahan yang hendak diterjemah dengan lebih baik. Ini bererti penterjemah perlu mempunyai penguasaan bahasa yang baik, pengetahuan yang mencukupi tentang bidang yang terlibat, kefahaman tentang istilah-istilah yang digunakan mengenai kebudayaan dan latar belakang karya (Noor Ein Mohd Noor 1988:80).

3.3.1 Kesilapan Pada Padanan Kata Yang Tidak Tepat

Penterjemah akan gagal menghasilkan karya terjemahan yang bermutu sekiranya teks terjemahan yang dihasilkan mengandungi makna perkataan yang tidak

tepat atau menyimpang dari maksud sebenar teks sumber. Hal ini terjadi apabila penterjemah tidak merujuk kamus atau glosari istilah bahasa yang sesuai terhadap perkataan yang tidak difahami.

Kesilapan ini juga dapat dijelaskan menerusi teori semantik linguistik Katz. Ini adalah kerana teori Katz ini mampu mengkaji hal-hal berikut (Yap Eng Moi 1985:282):

- i. **Perbezaan antara perkataan yang bermakna dengan perkataan yang tidak bermakna (meaningfulness and meaninglessness).** Penterjemah yang menterjemahkan ayat dari bahasa sumber ke bahasa sasar, perlu memastikan sesuatu terjemahan itu bermakna. Sebagai contoh:

a1). *My mother is working in the Kuala Lumpur General Hospital*

a2). Emak saya bekerja di Rumah Besar Sakit Kuala Lumpur

Frasa nama *Kuala Lumpur General Hospital* tidak boleh diterjemahkan *Rumah Besar Sakit Kuala Lumpur*. Ini adalah kerana kata sakit menerangkan rumah besar sedangkan yang dimaksudkan ialah rumah sakit (hospital) yang besar. Oleh yang demikian, terjemahan seperti ini tidak tepat malah merosakkan maksud penulis asal teks tersebut. Dalam analisis kesilapan terjemahan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, terdapat beberapa contoh yang selari dengan teori Katz seperti berikut:

a. مِنْ فَضْلِكَ أَيْنُ الْمَسْجِدُ؟

“Daripada kelebihan kamu, di mana masjid?”

b. صَبَاحُ الْخَيْرِ، صَبَاحُ النُّورِ

“*Pagi yang baik, Pagi yang bercahaya*”

Frasa مِنْ فَضْلِكَ apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu secara

terjemahan perkataan demi perkataan dapat diterjemahkan sebagai “Daripada kelebihan kamu”. Terjemahan sedemikian di dalam bahasa Melayu tidak dapat difahami kerana proses pertukaran budaya dari bahasa Arab ke bahasa Melayu tidak serupa sebagaimana yang disebut oleh Lefevere (1992:11) sebagai proses pertukaran budaya (acculturation). Oleh yang demikian, penterjemah mesti menjadikan terjemahannya mudah difahami atau bermakna (meaningfulness). Hal ini boleh dicapai dengan mencari padanan yang sewajarnya sesuai dengan kebudayaan Melayu bagi frasa pertama di atas seperti “*Maafkan saya, bolehkah saya tahu di mana masjid ?*”.

Manakala frasa kedua صَبَاحُ الْخَيْرِ، صَبَاحُ النُّورِ jika diterjemahkan dengan “

Pagi yang baik dan *Pagi yang bercahaya*” juga tidak dapat difahami. Ia boleh ditukar kepada “*Selamat pagi*”, manakala jawapanya juga “*selamat pagi*”.

ii. Persamaan makna dan berlainan makna (synonymy or sameness).

Hal ini terjadi apabila proses penterjemahan melibatkan perkataan yang ada kesamaan dalam bahasa Melayu contohnya:

وَأَنْ أَفْسِمْ حَيَاتِي لِلْعِلْمِ وَالدِّرَاسَةِ وَلَا أُضْبِغَ بِالْأَعْمَالِ التَّافِهَةِ ...

Maksud 1).

"..... Aku akan akan membahagikan kehidupanku ini hanya untuk ilmu dan belajar begitu juga aku tidak akan membuang masa dengan pekerjaan yang remeh-temeh.....".

Maksud 2).

"..... Aku akan membahagikan kehidupanku ini hanya untuk ilmu dan belajar begitu juga aku tidak akan membuang masa dengan pekerjaan yang remeh-temeh.....".

Sekiranya perkataan أَفْسِمْ tidak diberikan dengan tepat maka kemungkinan

perkataan ini akan disalahertikan kepada "aku bersumpah" dan seterusnya akan melahirkan makna yang kabur dan tidak tepat dengan kehendak yang sebenar.

3.3.2 Kesilapan Dalam Penggunaan Istilah Khusus Yang Tidak Tepat.

Kesilapan penggunaan istilah-istilah khusus teks sumber yang tidak tepat dan kecekapan yang rendah tentang kosa kata terhasil akibat kekurangan penguasaan khusus dalam disiplin ilmu teks sumber dan teks sasaran (Muhammad Bukhari Lubis 1998:8).

Selanjutnya beliau menambah, penterjemah perlu mempunyai latar belakang ilmiah yang luas dalam sesuatu bidang yang hendak diterjemahkan seperti sastera, sejarah, bahasa, geografi, kimia, biologi, perubatan, kejuruteraan dan lain-lain lagi. Ini adalah kerana, setiap bidang mempunyai istilah-istilah yang ada maksud tertentu sahaja. Sebagai contoh perkataan *cell* dalam bahasa Inggeris memberi erti yang pelbagai mengikut bidang-bidang tertentu, iaitu sel (digunakan dalam bidang biologi dan perubatan); bateri, iaitu satu bekas yang digunakan untuk aliran elektrik dengan tindak balas kimia (digunakan dalam bidang kimia kejuruteran mekanik); sebuah bilik kecil di dalam penjara (bidang undang-undang); rongga yang terdapat pada petak-petak sarang lebah yang bermadu (bidang biologi) dan unit asas yang terkecil bagi membentuk satu pertumbuhan politik atau pergerakan rahsia (Jonathan Crowther 1998:178)

3.3.3 Kesilapan Menterjemahkan Frasa Idiomatik

Kesilapan menterjemahkan frasa idiomatik berpunca daripada ketidakcekapan dalam penterjemahan. Hal ini terjadi disebabkan wujudnya konstruksi perkataan atau frasa yang menghasilkan satu makna baru berbeza daripada makna asal kata yang

membentuknya. Bagi penterjemah yang tidak cekap dan mahir sudah tentu akan menterjemahkan unsur-unsur tersebut dengan satu terjemahan yang kabur dan tidak bermakna. Sebagai contoh frasa idiomatik dalam bahasa Arab di bawah agak sukar diterjemahkan:

i. رَغْبَ فِي، رَغْبَ عَنْ، دَعَا لِدَعْأَ عَلَى

Maksudnya. “*suka, benci, mendo'akan kebaikan kepada seseorang, mendoakan sesuatu yang buruk*”

ii. كُلُّ حَاطِبٍ عَلَى لِسَانِهِ ثَمَرَةٌ

Maksudnya. “*Ada tamar di atas lidah setiap peminang (Arab)*”

iii. كُصَفْحَةُ الْمُسِينَ شَهَدَ وَلَا تَقْطَعُ

Maksudnya. “*Bagai permukaan pengasah, boleh menajamkan dan tidak boleh memotong*”.

iv. مَنْ أَشْبَهَ أَبَاهُ فَمَا ظَلَمَ

Maksudnya. “*Barang siapa yang menyerupai ayahnya, maka dia tidak akan menindas*”

Bagi penterjemah yang kurang berpengalaman menterjemah frasa idiomatik Arab, sudah tentu frasa-frasa di atas amat sukar untuk diterjemahkan. Dalam teori semantik Atonom Katz dan teori semantik Chomsky, masalah di atas dipanggil *Kekaburan makna (ambiguity)* dan masalah ini sering berlaku ketika proses

penterjemahan dijalankan serta menyukarkan kerja-kerja penterjemahan. Dalam hal ini, ia boleh diselesaikan dengan melihat konteks sesuatu ayat, iaitu dengan wacana dan urutan penceritaan.

Dalam hal ini teori *Rivised Extended Theory* (REST) yang menekankan perlunya diambil kira faktor konteks lebih memungkinkan penterjemah untuk mengatasi masalah ini. (Yap Eng Moi 1985:278). Seringkali didapati satu perkataan dalam bahasa sumber dapat diterjemahkan kepada banyak padanan dalam bahasa sasar. Ini adalah kerana, perkataan tersebut mempunyai *medan makna* yang luas seperti bahasa Inggeris hanya mempunyai satu istilah untuk padi, beras, nasi, antah dan gabah (padi), iaitu “rice”. J.C. Catford (1965:94) pernah mengutarakan dua konsep dalam disiplin terjemahan yang dikenali sebagai:

- i. *Cultural untranslatability* (tidak boleh diterjemahkan dari segi budaya)
- ii. *Linguistic untranslatability* (tidak boleh diterjemahkan dari segi linguistik).

3.3.4 Kesilapan Makna Nahu (tatabahasa)

Kebanyakkan penterjemah beranggapan bahawa hanya perkataan sahaja yang menentukan makna. Tetapi hakikatnya tatabahasa juga turut memainkan peranan dalam menentukan makna. Hal ini terdapat dalam kebanyakan bahasa termasuk bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan tidak terkecuali bahasa Arab.

Dalam bahasa Melayu frasa “*dia perempuan gila*” dengan “*dia gila perempuan*” mempunyai perbezaan makna yang sangat jelas. Hal ini terjadi apabila

ayat dalam bahasa Inggeris berikut “*She is mad women*” diterjemahkan tanpa mengambil kira soal tatabahasa (grammar) yang mempunyai maksud tersendiri menjadi “*dia gila perempuan*”. Tambahan pula, penterjemah hanya berpusat kepada penterjemahan berdasarkan perkataan semata-mata. (Ainon Muhammad 1985:885).

Dalam bahasa Arab, terdapat banyak contoh seperti di atas. Antara yang sangat ketara ialah apabila proses penterjemahan melibatkan frasa “*al-Ta’ajjub*” ﴿أَسْلُوبٌ وَّالْتَّعْجُب﴾ (frasa yang digunakan untuk menyatakan takjub) perasaan kagum yang datang secara tiba-tiba. Dalam bahasa Melayu ia dipanggil frasa seru.

Menurut Asmah Haji Omar (1993:408), Kata atau frasa seru merupakan gabungan modus perintah dan berita menurut situasi penggunaannya. Kata seru biasanya ditandai oleh intonasi seruan yang mempunyai tekanan keras disertai nada meninggi yang menurun sebelum kesenyapan. Dalam tulisan intonasi seru digambarkan dengan tanda (!).

Oleh yang demikian, frasa bahasa Arab berikut ﴿مَا أَنْجَحَ لِلنَّاسِ﴾ perlu diterjemahkan dengan maksud frasa “*al-Ta’ajjub*” menjadi “*alangkah, cantiknya langit ini!* ”. bukannya diterjemahkan mengikut maksud frasa *istifhām* (frasa tanya) lalu menjadi “*Apakah yang paling cantik di langit ?* ”.

Dalam kajian *balāghah* bahasa Arab (retorik Arab) pula, kajian berkenaan perkataan yang maknanya terpengaruh dengan unsur-unsur retorik sangat meluas. Hal

ini dapat disaksikan melalui pembahagian ilmu retorik itu sendiri kepada tiga bahagian utama (major), iaitu *ilmu al-Maṭāni*, *ilmu al-Bayān*, *ilmu al-Badi'* (Ali al-Jārim 1951: 1)

Menurutnya lagi (1951:199), dalam bahasa Arab kata tanya (al-Istifhām) biasanya membawa maksud pertanyaan seperti bila, siapa, dimana, kemana, adakah, berapakah, bagaimanakah, mana satukah dan sebagainya tetapi dalam situasi-situasi tertentu perkataan yang sama tidak lagi membawa maksud tanya tetapi telah bertukar menjadi maksud yang lain seperti menyatakan perasaan marah, menyatakan perasaan terkejut, menyatakan perasaan bangga, ingkar, mempersenda, merendahkan seseorang dan sebagainya.

3.3.5 Kesilapan Meringkas, Membuang, Memendekkan Ayat Serta Membuat Keterangan Yang Berbelit-Belit.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong terjadinya kesilapan di atas, di antaranya kurangnya sifat amanah di kalangan penterjemah dalam memindahkan pelbagai idea yang terdapat dalam teks asal. Lantaran itu mereka sanggup menambah dan membuang teks asal. Tetapi jika penterjemah berasa yakin bahawa terdapat kesilapan penulis terutamanya kesilapan bahasa, sejarah dan kepercayaan, maka penterjemah boleh menyatakan yang benar dalam bentuk nota kaki .(Mahdi Budayrah 1975:8). Selain itu, Noor Ein Mohd Noor (1988:81) berpendapat, kesilapan ini juga disebabkan oleh kelemahan penterjemahan atau penterjemah yang tidak terlatih. Seterusnya beliau menyatakan:

"penterjemah harus patuh pada karya asal sama ada bersetuju atau tidak, ia perlu berkecuali dan hanya menyampaikan mesej penulis tanpa menokok tambah dengan fikirannya"

Apabila keadaan ini berlaku pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil inisiatif segera untuk mengatasi masalah ini. Ia bersesuaian dengan teori semantik Atonom Katz dan teori semantik Chomsky mengatakan perbuatan meringkas, membuang, memendekkan ayat serta membuat keterangan yang berbelit-belit dalam teks sumber adalah di bawah konsep lebihan erti atau membazir (redundancy). Lebihan erti atau membazir (redundancy) dalam penterjemahan perlu dielakkan (Yap Eng Moi 1985:281). Ini adalah kerana pemilihan perkataan yang tepat lebih diutamakan. Contohnya:

- a) *She carried her baby in her arms.*
- b) *I carried the water pitcher on my head.*

Terjemahannya ialah:


- a) Dia mendukung anaknya (bukannya, Dia mengangkat anaknya dengan tangan)
- b) Saya menjunjung bekas air itu. (bukannya, Saya mengangkat bekas air itu di atas kepala saya)

Menurut teori Katz (1985:284), ayat di atas dianggap membazir jika sekiranya terjemahan ayat *I carried the water pitcher on my head* ialah *Saya mengangkat bekas air itu di atas kepala saya*. Hal ini dapat dielakkan dengan

menukar frasa *Saya mengangkat bekas air itu di atas kepala saya* dengan perkataan “*menjunjung*” yang membawa maksud mengangkat sesuatu di atas kepala. Dalam hal ini, Nida (1945:194) berpendapat fungsi terjemahan bukan setakat penerima bahasa sasaran, malah pengirim bahasa sasaran. Oleh yang demikian, ia tidak sahaja berkaitan dengan soal bahasa, bahkan juga dengan soal cara masyarakat bahasa sumber dan bahasa sasaran menanggapi dunia ini (world-view). Justeru itu, menurutnya lagi penterjemahan yang baik perlu mengambil kira faktor-faktor ekologi, kebudayaan, adat resam, agama, kepercayaan dan bahasa.

Rajah 1

Gambarajah 1: Kategori-kategori kesilapan dalam penterjemahan Arab-Melayu



Sumber:

Direkabentuk dan diubahsuai daripada Abdul Hamid Mahmood (1990), Nik Safiah Karim (1993), Awang Sariyan (1980), Abdul Ghafir Yunus (2000), Awang Had Salleh (1981), Abdullah Hassan (1993), Muhammad Fauzi Jumingan (2000), Koh Boh Boon (1985), Muhammad Bukhari Lubis (1999), Yap Eng Moi (1985), Lefevere (1992) dan Ainon Muhammad (1989).

3.4 Penutup

Ketiga-tiga kategori kesilapan yang telah bina oleh penulis, iaitu kesilapan bahasa, kesilapan penggunaan penanda wacana dan kesilapan teknik merupakan kesilapan yang sering berlaku ketika proses penterjemahan dijalankan. Oleh yang demikian, usaha mendedahkan punca-punca kesilapan dalam terjemahan adalah satu usaha yang baik dan perlu dilakukan secara berterusan. Ia juga merupakan salah satu cara yang berkesan untuk meningkatkan mutu karya terjemahan Arab-Melayu. Di samping itu, penterjemahan merupakan media pendidikan yang berkesan terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa di peringkat yang lebih tinggi.